

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2017 / 2018
DI BAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI								
JABATAN-JABATAN BANDARAN								
1	Push SMS Notification		✓		Untuk memastikan pembayar-pembayar cukai bangunan mengambil maklum dan memperingatkan mengenai tunggakan (jika ada) pada setiap bulan.	Perkhidmatan Push SMS Notification digunakan oleh Jabatan-Jabatan Bandaran sebagai alternatif lain (selain bil atau surat tuntutan) untuk memberikan peringatan kepada pembayar cukai bangunan bagi cukai bangunannya yang belum dijelaskan	<p>CABARAN</p> <p>Mengemaskinikan nombor telefon bimbit pembayar cukai bangunan bagi memastikan SMS diterima oleh pembayar cukai bangunan yang betul</p> <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <p>Jabatan-Jabatan Bandaran untuk mengemaskini nombor telefon bimbit dari masa ke semasa dengan pelbagai platform antaranya menghubungi pemilik.</p>	Pembayar cukai bangunan menghubungi pihak Jabatan-Jabatan Bandaran untuk bertaanya mengenai SMS yang diterima dan seterusnya menjelaskan cukai bangunannya.
JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA								
2	Program Meningkatkan Kesedaran Awam Mengenai dengan Isu Kebersihan			✓	Projek ini diharapkan akan dapat meningkatkan lagi kesedaran orang awam mengenai kepentingan kebersihan serta tanggungjawab masyarakat dalam menjaga alam sekitar yang bersih.	Menyahut kepada Titah KDYMM mengenai kebersihan, Jabatan ini telahpun mengambil langkah ke arah menangani isu kebersihan di Negara ini. Dengan projek ini cadangan kompaun dan denda baru kadar yang dikenakan telah pun dibincangkan dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Induk isu-isu kebersihan dan menunggu untuk ketetapan daripada Pihak atasan. Ia adalah sebagai salah satu pengajaran kepada masyarakat juga untu lebih peka mengenai kebersihan Negara ini.	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pegawai dan kakitangan dalam Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan tidak mempunyai perlindungan dalam bentuk insurans • Kuasa yang terhad yang tidak sebanding dengan pihak polis dan mana-mana agensi penguatkuasaan yang lain • Pembayaran denda kompaun tidak dijelaskan setelah dikenakan denda kompaun <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menghadapkan senarai nama yang tidak menjelaskan pembayaran kepada pihak Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan untuk dimasukkan kedalam STOP list (khusus bagi warga asing sahaja). Jika melibatkan warga tempatan, akan dihubungi dengan serta merta • Menghadapkan permohonan insurans bagi pegawai dan kakitangan dalam Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan 	
3	Pembayaran Pendahuluan Bayaran Sewa Bagi Tempoh Satu (1) Tahun Penyewaan di Pasar / Gerai di Bawah Kawalan Jabatan Daerah Brunei dan Muara bagi Kadar Sewa \$38.00 Kebawah Sahaja	✓			<ul style="list-style-type: none"> • Sebagai salah satu usaha pembaharuan pihak jabatan dalam mengurangkan kadar terkumpul tunggakan-tunggakan sewa daripada penyewa-penyewa yang masih aktif didalam senarai kebenaran penyewaan di pasar dan gerai • Sebagai pendekatah pihak jabatan untuk mengelakkan perlaksanaan surcaj dalam perkhidmatan awam seperti rujukan surat keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 9/2017 (rujukan : (9)JPM/SK/2017) yang mana telah berkuatkuasa mulai 21hb Ogos 2017 	Pemohon-pemohon yang menepati syarat-syarat permohonan dan penilaian dan seterusnya berjaya dan diberikan kebenaran secara bersurat untuk menggunakan / menyewa kemudahan-kemudahan petak, bangku dan unit kedai di pasar-pasar dan gerai-gerai di bawah kawalan Jabatan Daerah Brunei dan Muara adalah dikehendaki untuk membuat pembayaran penih pendahuluan sewa bagi tempoh satu (1) tahun penyewaan (mengikut Surat Perjanjian Penyewaan Bangku Gerai / Pasar) iaitu hanya bagi akdar sewa bagi \$38.00 dan kebawah menggantikan tatacara yang digunakan sebelum ini iaitu untuk membayar tiga (3) bulan pendahuluan kadar sewa bagi semua jenis kadar-kadar sewa sebagai cagaran dan pembayaran selanjutnya adalah dari sebulan ke sebulan mengikut tempoh Surat Perjanjian Penyewaan Bangku Gerai / Pasar (satu tahun bagi petak, bangku, unit di gerai-gerai dan dua tahun bagi unit-unit kedai di Dewan-Dewan Kemasyarakatan)	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penyampaian kepada pihak penyewa mengenai dengan perubahan tatacara pembayaran pendahuluan sewa dari aspek kefahaman dan penerimaan • Aduan dan rungutan daripada penyewa dari aspek kemampuan mereka untuk membuat embayaran yang diperlukan • Tindakbalas penyewa-penyewa berhubungkait tindakan-tindakan yang telah dikenakan <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memberikan penerangan yang lebih terperinci dari masa kesemasa semasa perjumpaan mengenai keperluan perubahan tatacara berkenaan • Sentiasa menghadapi kerenah penyewa-penyewa dengan sabar dan berhemah disamping memberikan penerangan yang munasabah • Sentiasa memberikan tindakbalas yang positif 	Terdapat penurunan didalam kadar tunggakan sewa daripada kadar tunggakan sebelum ini.
JABATAN DAERAH TEMBURONG								
4	Menghantar Borang-Borang Daftar Pengundi ke Setiap Rumah di Kampung Yang Akan Mengadakan Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampong		✓		<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan kehadiran penduduk yang layak mengundi semasa Majlis tersebut • Kehadiran pengundi hendaklah tidak kurang dari satu (1) per tiga (3) dari jumlah pengundi yang berdaftar (merujuk kepada Skin Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, 2013) 	Menghantar dan mengambil semula borang - borang daftar pengundi dari setiap rumah bagi pengundi yang layak mendaftar awal sebelum Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung diadakan.	<p>CABARAN</p> <p>Terdapat kesulitan dalam menghantar borang-borang daftar pengundi iaitu pemilik rumah tiada di rumah kerana penghantaran diadakan pada waktu bekerja.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan kehadiran pengundi-pengundi semasa Majlis dijalankan • Kehadiran pengundi-pengundi melebihi 50% dari daftar undi semasa Majlis diadakan

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2017 / 2018
DI BAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

No	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
JABATAN BURUH								
5	Proses Lesen Pekerja Asing (LPA) bagi Permohonan Lesen Membarui dan Pertukaran Kontrak		✓		Berujuan bagi mendokong hasrat negara ke arah persekitaran <i>pro business</i> dan juga pada masa yang sama bagi menggalakkan dan meningkatkan peluang pengambilan anak tempatan di sektor swasta.	Lesen Pekerja Asing (LPA) ini merupakan proses baru yang diperkenalkan di Jabatan Buruh, iaitu bagi permohonan untuk mendapatkan kebenaran mendatangkan pekerja asing untuk berkhidmat di syarikat-syarikat sektor swasta di negara ini. Secara ringkasnya, proses ini adalah penggabungan proses Permohonan Lesen Pengambilan Pekerja Asing dan Proses Sokongan Pas Kerja menjadi satu proses sahaja. Antara perubahan proses LPA ini ialah TPOR proses Pengambilan Pekerja Asing secara keseluruhan di Jabatan Buruh dikurangkan dari 41 hari bekerja kepada 9 hari bekerja bagi kegiatan selain pembinaan (termasuk pembayaran wang taruhan di Jabatan Buruh), manakala bagi kegiatan pembinaan TPOR adalah 14 hari bekerja sahaja. Proses Permohonan Lesen Pekerja Asing (LPA) bagi fasa pertama telah dilaksanakan pada 1hb Oktober 2016 iaitu bagi permohonan Lesen Baru sahaja. Manakala fasa ke-dua bagi Permohonan Tambahan pula telah bermula pada 01hb Januari 2017. Seterusnya fasa ke-tiga Proses Lesen Pekerja Asing (LPA) iaitu bagi Permohonan Membarui Lesen dan Pertukaran Kontrak bermula pada 01hb April 2017.	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Penggunaan file permohonan terutama bagi syarikat yang sangat aktif Tidak memenuhi TPOR atas sebab-sebab yang berbeza Kerjasama dari majikan Clearance Letter dari Job Centre Brunei (JCB) Kekeliruan orang awam mengenai kebenaran yang diberikan oleh pihak JCB <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengadakan muzakarah bersama pegawai-pegawai yang berkenaan Mengadakan <i>roadshow</i> Pengedaran <i>brochure</i> mengenai Lesen Pekerja Asing (LPA) Penyediaan <i>sharepoint</i> bagi kemudahan pemantauan permohonan Memperbaiki sistem failing Borang baru iaitu permohonan LPA hanya menggunakan satu borang yang sama Memperkenalkan borang pengesahan alamat. 	TPOR berjaya dikurangkan
6	Pengenalan Talian Hotline		✓		Bagi meningkatkan pematuhan ke atas Perintah Pekerjaan 2009	Pada 02 Ma 2018, Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah memperkenalkan kepada orang ramai mengenai kemudahan talian <i>Hotline</i> Jabatan Buruh yang boleh dihubungi bagi sebarang aduan dan pertikaian pekerjaan tempatan dan pekerja asing atau mana-mana kesalahan yang berhubungkait dengan undang-undang dan peraturan perburuhan. Kemudahan talian <i>hotline</i> yang boleh dihubungi tersebut ialah 2381848 (pada waktu bekerja) atau menghubungi <i>whatsapp</i> di talian 7298989 (selepas waktu bekerja). Talian berkenaan juga boleh digunakan bagi mana-mana individu yang mempunyai maklumat mengenai kesalahan perburuhan seperti penyalahgunaan Lesen Pekerja Asing, pekerja lambat dibayar gaji, tidak dibayar gaji lebih masa, tiada kontrak pekerjaan dan lain-lainnya yang berkenaan.	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Menerima aduan mengenai permohonan Lesen Pekerja Asing (LPA) dan bukan aduan perburuhan <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Aduan dicatat untuk dihidapkan ke Bahagian yang berkenaan untuk tindakan lanjut. 	
7	Perlaksanaan Peniadaan Pengesahan Kontrak Perkhidmatan		✓		Bagi mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan kepada orang ramai dan seterusnya supaya proses di jabatan ini mendokong dasar <i>ease of doing business</i> dan dalam memudahkan dan mengurangkan keperluan dokumen bagi proses permohonan Lesen Pekerja Asing (LPA)	Sebelumnya, pengesahan kontrak perkhidmatan merupakan salah satu proses sebelum pekerja asing dapat dikeluarkan pas kerja oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Mengikut Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) yang telah ditetapkan oleh Jabatan ini, urusan pengesahan kontrak perkhidmatan adalah 1 hari waktu bekerja. Peniadaan pengesahan kontrak perkhidmatan ini tidaklah bermakna perlindungan dan kebajikan pekerja tidak dilindungi. Jabatan Buruh telah mengatur beberapa inisiatif dalam menguatkuasakan pemantauan perkara-perkara yang ada di dalam kontrak perkhidmatan berpandukan kepada Perintah Pekerjaan 2009. Kontrak perkhidmatan masih diperlukan diantara majikan dan pekerja sepertimana kehendak Bab 10 Perintah Pekerjaan 2009 dan penguatkuasaan bagi memastikan perkara-perkara yang ada di dalam kontrak perkhidmatan adalah dibuat melalui post mandatory inspection bagi memastikan ianya dipatuhi mengikut	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Pilih jabatan menerima senarai pekerja tempatan yang berdaftar di Tabung Amanah Pekerja yang telah dikemaskini sekali sebulan iaitu setiap pertengahan bulan <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Untuk membuat <i>connectivity</i> dengan sistem TAP. 	Mengurangkan dokumen untuk menghadapkan permohonan Lesen Pekerja Asing (LPA)

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2017 / 2018
DI BAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
						garispandu di bawah Perintah Pekerjaan 2009. Tindakan undang-undang juga akan diambil terhadap mana-mana majikan yang melanggar kontrak perkhidmatan.		
8	Peniadaan Salinan Dokumen Tabung Amanah Pekerja (TAP) bagi Proses Lesen Pekerja Asing (LPA)		✓		Memudahkan dan mengurangkan keperluan dokumen bagi proses permohonan Lesen Pekerja Asing (LPA)	Dalam memudahkan dan mengurangkan senarai dokumen bagi proses permohonan Lesen Pekerja Asing (LPA), bermula 22hb Januari 2018, salinan pendaftaran Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan senarai pekerja tempatan TAP yang ada di syarikat adalah tidak lagi menjadi salah satu dokumen yang diperlukan bagi setiap permohonan Lesen Pekerja Asing (LPA). Walaubagaimanapun, Jabatan Buruh masih memerlukan setiap syarikat / majikan yang membuat permohonan LPA mestilah telah berdaftar di TAP, hanya dokumennya sahaja tidak perlu diserahkan semasa membuat permohonan LPA di jabatan ini.	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Pihak jabatan menerima senarai pekerja tempatan yang berdaftar di Tabung Amanah Pekerja yang telah dikemaskini sekali sebulan iaitu setiap pertengahan bulan <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Untuk membuat connectivity dengan sistem TAP. 	Mengurangkan dokumen untuk menghadapi permohonan Lesen Pekerja Asing (LPA)
JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA								
9	Operasi Bersepadu Bersama Agensi-Agensi Kerajaan	✓			<ul style="list-style-type: none"> Untuk memantapkan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan kesalahan akta dibawah Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria Untuk memantapkan lagi Operasi Bersepadu dalam pelbagai aspek yang berkaitan dengan peraturan-peraturan dan akta Bandaran 	<ul style="list-style-type: none"> Operasi yang dibuat oleh agensi/ageni yang lain dan berkaitan dengan kesalahan akta dibawah Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria Diadakan melalui aduan orang awam 	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Kurang kerjasama yang terdapat diantara syarikat-syarikat, premis-premis, penghuni rumah, pemilik bangunan, rumah-rumah orang awam, penjaja-penjaja yang dibawah kawalan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria apabila di buat teguran atas kesalahan - kesalahan yang dilakukan Perlanggaran syarat keatas mana-mana akta dibawah kawalan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Dikeluarkan surat peringatan Dipantau bagi memastikan teguran dipatuhi Pemantauan dari masa ke semasa 	
10	Penghantaran Peringatan Cukai Melalui Sistem SMS		✓		<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan pemilik-pemilik hartanah yang masih belum menjelaskan cukai Meningkatkan hasil kutipan cukai Mengurangkan jumlah tunggakan cukai 	SMS dihantar kepada pemilik-pemilik yang mempunyai cukai yang masih belum dijelaskan samada tertangguh mahupun cukai tahunan semasa sebagai peringatan setiap bulan	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Bayaran cukai tidak dapat dikemaskinikan kedalam buku catatan lejer dengan segera kerana bayaran hanya diterima di kaunter Bahagian Kewangan dan hanya boleh dikemaskini pada waktu bekerja di hari berikutnya setelah laporan salinan resit bayaran. Catatan kedalam buku lejar adalah secara manual (tulisan tangan) satu persatu dan selalunya mengambil masa yang lama untuk dikemaskinikan. Nombor telefon bimbit yang ada didalam simpanan Jabatan adalah terhad Pemilik berberat hati untuk memberikan nombor telefon bimbit mereka <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> One Common Billing System (OCBS) sedang diusahakan bersama Kementerian Kewangan bagi memudahkan dan melancarkan proses penerimaan bayaran secara "computerised" Online Payment / mobile banking payment sedang diusahakan 	<ul style="list-style-type: none"> Pemilik-pemilik hartanah yang masih belum menjelaskan cukai telah memberikan tidakbalas dengan menghubungi ke bahagian ini Kutipan cukai tahun semasa 2017 / 2018 telah meningkat sebanyak 4% dari tahun sebelumnya Jumlah cukai tunggakan tahun kebelakangan telah berkurang sebanyak 6% dari tahun sebelumnya

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2017 / 2018
DI BAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
11	Mengadakan <i>In House Training</i> bagi Pegawai dan Kakitangan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria			✓	<ul style="list-style-type: none"> Untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran pegawai dan kakitangan dalam tugas-tugasan di Bahagian Penyelenggaraan Mekanikal dan Logistik dan Bahagian Perkhidmatan dan Pemeliharaan khususnya bagi penggantian pemandu-pemandu yang telah bersara dalam memastikan kerja-kerja operasi jabatan setiasa berjaan dengan lancar dan teratur. Untuk meningkatkan kemahiran dan kapasiti pegawai dan kakitangan Jabatan ini dalam mempertingkatkan prestasi jabatan kearah penambahbaikan perkhidmatan yang sedia ada kepada yang lebih berkualiti dan efisien. 	<ul style="list-style-type: none"> Mengadakan kursus kelas memandu (lesen kelas 5) untuk mengendalikan <i>Compress Truck</i> bagi kerja-kerja pengangkutan sampah halus & kasar, memandu <i>Hiab Crane, Light Truck</i> dan <i>Tipper Truck</i> Mengadakan "kursus Penyelesaian masalah dan membuat keputusan" bagi ketua-ketua Bahagian dan pegawai-pegawai kanan serta kakitangan yang selalu memangku. 	<p>CABARAN</p> <p>Peruntukan yang diperuntukkan dari KHEDN adalah terhad</p>	
JABATAN BANDARAN DAERAH TUTONG								
12	Meningkatkan Aktiviti Sosio-Ekonomi di Kawasan Perbandaran Tutong			✓	<ul style="list-style-type: none"> Merancang untuk mengadakan acara berunsur sosio-ekonomi sepanjang tahun Meningkatkan jumlah pengunjung dan pelancong ke Pekan Tutong sebagai destinasi yang menarik untuk semua bentuk aktiviti riadah dan eko pelancongan yang dinamik serta berdaya tahan Mewujudkan peluang-peluang perniagaan kepada pengusaha mikro, kecil dan sederhana (PMKS) tempatan serta kepada para pelabur terutama sekali di dalam sektor pelancongan Meningkatkan keupayaan daya saing dan merencanakan pertumbuhan aktiviti perekonomian dan kemasyarakatan khususnya di kawasan Perbandaran Tutong sebagai salah satu fokus perancangan kemajuan jangka pendek, sederhana dan panjang Menjadikan Pekan Tutong sebagai sebuah Bandar yang Vibrant dan dalam masa yang sama menjadikan Daerah Tutong sebagai Daerah berorientasikan perniagaan (<i>Business Oriented District</i>) 	Dalam usaha untuk meningkatkan aktiviti sosio-ekonomi di kawasan perbandaran Tutong, Jabatan Bandaran Tutong . Lembaga Bandaran sentiasa merancang dan mengendalikan acara-acara yang menjurus dan menyumbang kepada perkembangan sosio ekonomi setempat melalui pengendalian acara-acara / program dengan kerjasama dan penglibatan berbagai pihak termasuklah agensi-agensi kerajaan, pihak swasta dan masyarakat setempat. Antara aktiviti / program yang dikendalikan termasuklah Tutongku Ceria, aktiviti berkonsep seperti Karnival Lakonan Tutong, Gerai-Gerai masa / waktu tertentu termasuklah semasa program-program kerajaan yang dilaksanakan.	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Kawasan yang terhad Sokongan dan kerjasama pihak-pihak yang berkenaan Sumber kewangan yang terhad <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengoptimalkan penggunaan kawasan sebaiknya Pelantikan jawatankuasa dengan bidang tugas tertentu Tajaan dan sumbangan 	Sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai dan penyertaan yang memberangsangkan daripada pengusaha-pengusaha micro kecil dan sederhana
13	Memperkasa Tenaga Kerja Jabatan dan Pembudayaan Bekerja Secara Berkumpulan			✓	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan tenaga kerja / kakitangan dalaman secara optima Menjimatkan perbebanan kerajaan (mengurangkan penggunaan kontraktor dalam melaksanakan sesuatu kerja) Memupuk semangat kerja-kerja berpasukan dan meningkatkan perasaan 'sense of belonging' pada diri pegawai dan kakitangan jabatan Membudayakan kerjasama antara bahagian-bahagian (<i>inter-section</i>) terutama sekali dalam memastikan pengendalian sesuatu projek atau acara berjalan dengan lancar. 	Dalam usaha untuk memperkasa tenaga kerja jabatan, jabatan ini telah mengambil inisiatif untuk mengendalikan beberapa kerja-kerja penyelenggaraan dan pemeliharaan secara 'in-house' dan membudayakan bekerja secara berkumpulan (<i>team work</i>)	<p>CABARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Perubahan minda / <i>mindset</i> <p>TINDAKAN SUSULAN</p> <ul style="list-style-type: none"> <i>Leadership</i> Tunjuk ajar 	<ul style="list-style-type: none"> Kerja-kerja telah dapat dilaksanakan secara berpasukan Penjimatan perbelanjaan